

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8190**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan di jabatan mana 11,757 anggota PDRM yang baru ditempatkan serta statistik jumlah polis terkini mengikut pecahan jabatan, jantina dan negeri.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Daripada statistik PDRM, sebanyak 11,757 perjawatan tambahan telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut seramai 11,329 orang anggota dan pegawai telah dilantik dan diberi penempatan mengikut waran perjawatan. Walau bagaimanapun sebanyak 428 perjawatan masih lagi di dalam proses untuk lantikan.**

**Pecahan mengikut penempatan adalah seperti berikut:**

BT	BUTIR-BUTIR	JUMLAH DILULUSKAN	
		BT	JUMLAH
1	Bahagian Keselamatan Perlindungan Siasatan Inteligen dan Analisis Tatacara Perundangan (E6), Cawangan Khas.		18
2	Pewujudan Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre (RTC) di PDRM		99
3	Perjawatan IPD Sepang & IPP KLIA		467
4	Perjawatan Tambahan 2013 Bagi Prasarana Siap, Kritikal Dan Penajaran Fungsi & Perjawatan PDRM Fasa 3		5,074
5	Penubuhan Skuad Taktikal Khas 1 (Jenayah) Dan Skuad Taktikal Khas 2 (Narkotik), Bukit Aman		398
6	7 Balai Polis ESSZONE Sabah & Bahagian Lesen Senjata Api		1,225
7	Pengukuhan Perjawatan Pegawai Penyiasat (IO) dan Pen. Pegawai Penyiasat (AIO) Cawangan Trafik Fasa 2		244
8	Menaik Taraf Lapan (8) Jawatan Ketua Polis Daerah (KPD) di ESSCOM dan ESSZONE		8
9	Pengwujudan Batalion 20 Di Kawasan ESSCOM dan ESSZONE, Sabah		630

10	Pewujudan Urban transformation centre (UTC) Rural Tranformation Centre (RTC) di PDRM (Fasa 2)	90
11	Fasa 2 Cawangan Perlesenan Senjata Api & Am Bagi IPD Seluruh Negara	154
12	Cadangan Pewujudan Bagi Pejabat Kawalan Perjalanan (PKP), Di Custom, Immigration Quarantine (CIQ) Kudat, Sabah, Jabatan Caw. Khas, PDRM	11
13	Pengukuhan Perjawatan IPD Sepang, IPP KLIA 1 dan IPP KLIA 2	7
14	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK)	2,443
15	Penubuhan Jabatan Pencegahan Integriti dan pematuhan Standard (JIPS)	2
16	Perjawatan Tambahan KLIA 1 & KLIA 2	1
17	Unit Media Sosial Caw. Khas Bukit Aman	27
18	Pengukuhan Balai Polis Cyberjaya & Balai Polis Tongod, Sabah	158
19	Pengukuhan Perjawatan Pasukan Khas Siasatan Bersepadu (PKSB)	73
20	Penubuhan Skuad Taktikal Khas 3 (Perjudian, Maksiat & Kongsi Gelap)	200
	<b>JUMLAH</b>	<b>11,329</b>

**Untuk makluman juga, pada masa ini jumlah keseluruhan kekuatan PDRM adalah seramai 130,115 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 82.5% atau seramai 107,397 orang pegawai, anggota dan pegawai awam lelaki serta 17.5% atau 22,718 orang pegawai, anggota dan pegawai awam wanita.**